

02/11/2001

RM18 juta untuk PKSN di 100 daerah tahun depan

DEWAN Rakyat diberitahu Program Khidmat Sosial Negara (PKSN) mendapat maklum balas positif daripada semua peserta, termasuk ibu bapa mereka.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, berkata mereka berpendapat program itu membantu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mempelajari pelbagai ilmu yang tidak boleh diperolehi dari bilik darjah.

Katanya, mereka berharap program itu diteruskan sejajar matlamat membantu peserta mengisi masa lapang dengan program berfaedah.

"Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Belanjawan 2002 lalu mengumumkan PKSN akan diperluas penyertaannya kepada 20,000 remaja setiap tahun mulai tahun depan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Ong berkata, PKSN yang dimulakan tahun ini, disertai 1,017 lepasan SPM di seluruh negara dan membabitkan perbelanjaan kira-kira RM5 juta.

Bagi tahun depan, katanya, program itu akan dijalankan di kira-kira 100 daerah dan membabitkan perbelanjaan RM18 juta serta 1,600 fasilitator.

"Memandangkan jumlah penyertaan yang ramai, setiap daerah dijangka mengendalikan tiga hingga empat kali program sepanjang tahun depan. Tempoh program juga dipendekkan daripada 25 hari kepada 15 hari," katanya.

Modul PKSN meliputi modul kecemerlangan diri, patriotisme, perpaduan dan kemasyarakatan, sukarelaan dan masyarakat, pengayaan bakat sukan, rekreasi, seni.

(END)